

*Konsep Penulisan Buku Biografi**

Abdul Latiff Abu Bakar

OBJEKTIF PENERBITAN DBP

Penerbitan adalah salah satu aktiviti utama DBP yang dipertuturkan dengan jelas sebagai salah satu tujuan dalam Akta DBP (Pindaan dan peluasan) 1995, iaitu:

"Mencetak atau menerbitkan atau membantu usaha percetakan atau penerbitan buku, risalah-risalah dan bentuk-bentuk persuratan lain dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain".

Sehubungan ini, aktiviti penerbitan merupakan wahana yang berpengaruh dan berkesan kepada kegiatan utama DBP iaitu membina dan mengembangkan bahasa Melayu/bahasa Malaysia dan sastera kebangsaan yang berteraskan bahasa Melayu. Penerbitan juga dapat mengetengahkan karya agung Malaysia ke luar negara melalui penterjemahan ke dalam bahasa-bahasa besar dunia. Dengan ini karyawan dan hasil ciptaan Malaysia dapat dikenali oleh dunia luar. Hasil penerbitan dalam bentuk buku merupakan contoh yang jelas dan dapat mengukur sejauh mana berkembang dan kayanya bahasa Melayu/bahasa Malaysia dan sastera kebangsaan dalam memperkenalkan ilmu, budaya dan kesusasteraan Malaysia kepada dunia luar dan antarabangsa.

Ini sekaligus dapat membuktikan kepada dunia penting dan majunya bahasa Melayu. Dengan sendirinya, bahasa Melayu akan mendapat nilai ekonomi, bahasa rujukan dan bahasa komunikasi kebudayaan seperti bahasa-bahasa besar dunia iaitu bahasa Inggeris, Perancis, Sepanyol, Arab dan sebagainya. Selain dari itu, sejajar dengan dasar kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan industri menjelang tahun 2020 dan seterusnya sebagai pusat pendidikan dan maklumat dunia, DBP akan terus mempergiatkan lagi usaha-usaha penerbitan. Selain maklumat dan, ilmu diterbitkan dalam bentuk buku yang konvensional, maklumat dan ilmu pada hari ini sudah terdapat dalam bentuk teknologi yang canggih iaitu multimedia. Mulai

tahun Rancangan Malaysia Ketujuh, DBP perlu menerbitkan maklumat dan Ilmu berbahasa Melayu dalam bentuk multimedia. Teknologi ini pula akan menjadi alat yang penting dalam kehidupan bangsa Malaysia pada abad yang akan datang.

DBP telah merancang dan meluaskan lagi strategi penerbitan dan penyelidikan terhadap buku-buku Sastera yang berbentuk non-kreatif merangkum buku-buku dan menumpukan penyelidikan terhadap topik yang berkaitan Pemikiran Falsafah, Sains Sosial, Ekonomi. Bagi menggalakkan penerbitan buku-buku ini, DBP telah merancang mengadakan sayembara menulis buku non-kreatif dan berusaha menjayakan Siri Tokoh Malaysia, mula tahun 1998.

Selama ini DBP menerbitkan buku-buku mengenai tokoh untuk pembacaan umum, khususnya buku kanak-kanak dan ilmiah. Namun begitu, DBP tidak mempunyai projek khas yang diletakkan di bawah satu unit atau bahagian. Buku yang berkaitan tokoh Malaysia diterbitkan secara 'kebetulan' oleh bahagian-bahagian yang mempunyai buku-buku terbitan DBP seperti Bahagian Penerbitan dan Pengembangan Sastera, Bahagian Buku Am/Teks Sekolah/IPT, Bahagian Ugama dan Tamadun Islam, dan Bahagian Sains dan Teknologi.

Memandangkan Siri Tokoh Malaysia dalam pelbagai bidang ini penting dan boleh dijadikan panduan dan tauladan kepada rakyat Malaysia, terutama memahami tokoh-tokoh Malaysia yang berjasa, maka sewajarnyalah DBP memulakan siri Tokoh Malaysia dengan menerbit seberapa banyak tokoh Malaysia yang sedia ada, sepanjang tahun 1998. Bagi tujuan ini, DBP disaran menerbitkan Siri Tokoh Malaysia berdasarkan satu format dan garis panduan standard.

PENGERTIAN BIOGRAFI

Bila dikatakan biografi, biasanya ia dikaitkan dengan autobiografi. Dalam konteks ini, biografi dan autobiografi merupakan sejenis penulisan prosa yang berdasarkan fakta yang benar dan ia boleh disampaikan melalui bahasa dan gaya penulisan yang kreatif dan saintifik. Mengikut kamus Dewan (Edisi, 1994), biografi adalah riwayat atau kisah hidup seseorang dan ia cabang sastera atau yang berkaitan dengan riwayat atau kisah hidup seseorang. Autobiografi pula kisah atau riwayat hidup yang ditulis oleh tokoh itu sendiri. Manakala perkataan Memoir turut digunakan dan dihubungkaitkan dengan autobiografi.

Encyclopedi Britannica (1973) menyatakan bahawa biografi adalah:

"one of the oldest forms of literary expression, biographical literature seeks to re-create in words the life of a human being, that the writer himself or of another person, drawing upon resource, memory and all available evidences, written, oral pictorial".

...Biography, while related to history in its search for facts and its responsibility to truth, is truly a branded of literature because it seeks to elicit from facts by selection and design, the illusion of a life actually being lived within the bounds of data, the biography re-seeks to transform plain information into illumination".

Bagi Leon Edel di dalam *Literary Biography* (Bungay, Sufforlk 1959, hd.1) pula menegaskan bahawa:

"A biography is a record, in words of something that is as mercurial and as flowing, as compact of temperament and emotion, at the human spirit itself."

...And yet the writer of biography must be neat and orderly and logical in describing this elusive flame like human spirit which delights in defying order and neatness and logic. The biographer many be a imaginative as he pleases – the more imaginative the better in the way in which he brings together his materials, but he must not imagine the materials. He must read himself into the past, but he must also read the past into the present and must judge the facts, but he must not sit in judgment. He must respect the dead but he must tell the truth.

Umumnya, penulis-penulis tempatan dan Barat yang menulis mengenai biografi seperti James L Clifford (*Biography as an Art Selected Criticism 1560–1960*, London 1963), James Boswell (*The Life of Samuel Johnson*, London 1904), Leon Edel (*Literary Biography*, Great Britain, 1959, Virgina Woolf (*Granitc And Rainbow*, London, 1960) dan lain-lain menegaskan bahawa penulisan biografi perlu memberi perhatian kepada:

- (1) Fakta yang benar
- (2) Memahami disiplin ilmu yang berkaitan
- (3) Merupakan satu karya seni dan sains
- (4) Memahami psikologi dan peribadi tokoh
- (5) Karya yang memberi manfaat kepada pembaca
- (6) Warisan bangsa yang sangat tinggi nilainya

Biografi turut ditafsirkan sebagai cabang dan karya sastera dan ia mempunyai nilai keindahan dan berseni seperti mengutamakan simbol, metafora, anekdot, dialog, keindahan bahasa dan lain-lain. Sebagai satu karya yang mementingkan kesenian. *Encyclopedi Britannica* menegaskan

"...Biography, while related to history in its search for facts and its responsibility to truty, is truly a branch of literature because it seeks to elicit from facts, by selection and design, the illusion of a life actually being lived".

Di samping itu, Biografi boleh dianggap sebagai satu sains kerana ia menuntut kebenaran seperti yang banyak dilakukan oleh ahli sejarah dalam usahanya mengkaji tokoh-tokoh sejarah dalam pelbagai bidang. Sehubungan ini, beberapa penyelidikan di tanah air kita telah menggunakan disiplin sejarah dalam usahanya menjalankan penyelidikan mengenai tokoh gerakan kebangsaan seperti Abdul Latiff Abu Bakar (Ishak Haji Muhammad dan Abdul Rahim Kajai), Zainon Ahmad (Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi), Adnan Nawang (Zainal Abidin Ahmad), Ramlah Adam (Dato' Onn Jaafar) dan lain-lain. Ini bermakna bidang biografi telah digunakan oleh sarjana sains sosial terutama disiplin sejarah dalam mengutarakan tokoh-tokoh kebangsaan

Malaysia. Kajian sejarah yang berbentuk biografi ilmiah ini sudah pasti (tidak mementingkan gaya penulisan yang berbentuk sastera kreatif) mengutamakan kaedah dan gaya penulisan ilmiah.

Walaupun biografi terdapat pelbagai jenis seperti yang dikemukakan oleh *Encyclopedia Britannica* seperti *Reference Collections, Character Sketches, Special Purpose Biography, Informatif Biography, Critical Biography, Standard Biography, Interpretative Biography, Fiction Biography*, namun kita dapat membahagikannya kepada tiga jenis utama, iaitu:

- (i) Biografi Ilmiah
- (ii) Biografi Separa Ilmiah
- (iii) Biografi Popular

CIRI-CIRI BIOGRAFI

- (i) Biografi Ilmiah
 - (a) Menggunakan disiplin sains sosial dengan berpandukan teori dan kaedah sejarah, sastera antropologi, sosiologi, komunikasi dan lain-lain.
 - (b) Gaya dan kaedah penulisan ilmiah.
 - (c) Menggunakan dan mengutamakan bahan rujukan berdasarkan dokumen, wawancara, akhbar, kajian lapangan dan lain-lain.
 - (d) Aspek seni sastera kreatif tidak digunakan.
 - (e) Khalayak pembacanya dari golongan intelek dan penyelidik.
- (ii) Biografi Separa Ilmiah
 - (a) Tidak mementingkan teori dan kaedah dari disiplin sains sosial.
 - (b) Gaya dan kaedah penulisan adalah bercorak penjelasan atau penceritaan
 - (c) Penulisan yang sederhana atau berkaitan dengan penulisan kewartawaran
 - (d) Aspek seni sastera kreatif tidak begitu dipentingkan
 - (e) Khalayak pembacanya dari golongan pelajar sekolah menengah dan awam
- (iii) Biografi Popular
 - (a) Merupakan penulisan yang diminati oleh sebahagian besar rakyat.
 - (b) Isi penulisannya berbentuk fakta yang benar tetapi disampaikan secara mudah (tidak ilmiah).

- (c) Mementingkan gaya seni sastera kreatif.
- (d) Menggunakan gaya penulisan kewartawanan
- (e) Khalayak pembacanya terdiri dari pelbagai golongan.

CADANGAN

- (i) Siri Tokoh Malaysia hendaklah dijadikan satu sirip tetap di DBP dan perhatian tertumpu kepada tokoh-tokoh negara yang berjasa dalam pelbagai bidang seperti kEnegragaan, politik, pentadbiran, ekonomi, sains sosial, pendidikan, kebudayaan, kesenian, sains, teknologi, agama dan lain-lain.
- (ii) Bermula tahun 1998, DBP perlu menyusun strategi menerbitkan buku-buku biografi dalam pelbagai bidang dan panduan menulis biografi serta kempen menulis biografi dan autobiografi.
- (iii) Penyelarasian satu format garis panduan yang standard Siri Tokoh Malaysia perlu diadakan di bawah pengawasan Pengarah Penerbitan atau Bahagian Sastera dengan menetapkan ciri-ciri berikut:
 - (a) Nama Siri Tokoh Malaysia
 - (b) Nama tokoh perlu di utamakan
 - (c) Tajuk atau tema perlu dikecilkkan
 - (d) Tak perlu diklasifikasikan kepada biografi, autobiografi dan tema
- (iv) Menjelang tahun 2000, Siri Tokoh Malaysia perlu diletakkan di bawah satu unit atau bahagian yang diketuai oleh seorang pegawai di Bahagian Sastera Non Kreatif.
- (v) DBP perlu menyediakan kemudahan dan dana penyelidikan kepada penulis Siri Tokoh Biografi dan akan menerbitkan karya mereka dengan kadar segera.
- (vi) Penyelidikan mengenai tokoh-tokoh Malaysia yang di jalankan oleh pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi hendaklah dikumpulkan dan diterbitkan.
- (vii) Promosi dan dana untuk Siri Tokoh Malaysia boleh dilakukan dengan kerjasama dan sokongan dari Kerajaan Negeri/Persekutuan serta pihak swasta dan lain-lain.
- (viii) Bekerjasama dengan GAPENA dan pusat-pusat pengajian tinggi bagi mengendalikan bengkel mengenai penulisan biografi dan autobiografi.

Adalah menjadi harapan kita agar DBP memainkan peranan penting menerbit Siri Tokoh Malaysia secara agresif. Ia perlu dinaungi dan diletakkan di bawah Bahagian Sastera Non Kreatif. Sebuah buku tentang kaedah penulisan biografi hendaklah diterbitkan segera sebagai panduan utama kepada penulis atau penyelidik menulis biografi atau autobiografi secara profesional.

* Berdasarkan kertas kerja yang dibentangkan di Bengkel Penulisan Biografi pada 15 Disember 1997 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.
